



Ahli Sunah Waljamaah Pegangan Malaysia

Muhammad Rashidi Wahab

Pensyarah Kanan, di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian
Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



Secara umumnya, Ahli Sunah Waljamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW, serta para sahabat untuk memahami dan mempraktikkan agama Islam yang merangkumi aspek akidah, fiqah dan akhlak atau tasawuf. Oleh itu, sebarang individu atau aliran yang bukan daripada kumpulan majoriti umat Islam, seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah, dan lain-lain yang didapati tidak menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan melalui petunjuk al-Quran dan sunah terkeluar daripada definisi umum Ahli Sunah Waljamaah. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan (yang lain itu) menceraikan kamu daripada jalan-Nya. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertakwa.” (*Surah al-An‘am* 6:153).

Istilah Ahli Sunah Waljamaah mulai digunakan seawal zaman sahabat lagi, walaupun tidak secara meluas. Sebagai contoh, ketika mentafsirkan ayat 106 daripada *Surah Ali ‘Imran*, Ibn ‘Abbas r.a. (m. 68H) menyatakan bahawa muka orang yang menjadi putih berseri itu ialah golongan ahli sunah, manakala muka orang yang menjadi hitam legam ialah ahli bidaah yang sesat, serta pengikut mereka. Ibn Sirin (m. 110H) pula menggunakan istilah Ahli Sunah Waljamaah ketika menjelaskan bahawa periwatan hadis daripada golongan ahli sunah sahaja yang diterima, sedangkan daripada ahli bidaah tidak diterima. Malah, al-Thawri (m. 161H) turut menggunakannya dengan menyatakan bahawa Ahli Sunah Waljamaah ialah golongan asing yang sedikit jumlahnya. Beberapa kenyataan ini sudah memadai untuk membuktikan bahawa istilah Ahli Sunah Waljamaah bukanlah istilah baharu kerana telah digunakan semenjak generasi awal salaf lagi.

Walau bagaimanapun, istilah Ahli Sunah Waljamaah menjadi popular setelah berlaku fitnah dalam kalangan umat Islam pada kurun kedua dan ketiga Hijrah dengan kemunculan pelbagai aliran menyeleweng terutamanya Muktazilah. Maka itu, penggunaan istilah Ahli Sunah Waljamaah ketika itu adalah untuk membezakan antara akidah Islam yang sebenar dengan aliran yang menyeleweng.

Bagi menghadapi polemik tersebut, selain Ahmad ibn Hanbal (m. 241H), antara tokoh penting yang berjaya menentengahkan dan mempertahankan manhaj Ahli Sunah Waljamaah termasuklah Abu al-Hasan al-Asy‘ari (m. 330H). Beliau ialah pengasas aliran Asya‘irah, iaitu kelompok terbesar dalam Ahli Sunah Waljamaah. Dalam hal ini, penulis pernah menyentuh tentang biografi dan ketokohan beliau dalam majalah *Dewan Tamadun Islam* keluaran September 2015 bertajuk “Imam al-Asy‘ari Ulama Terulung Ahli Sunah Wal Jamaah”.

Secara ringkasnya, setelah al-Asy‘ari keluar meninggalkan Muktazilah, beliau terus mempergiatkan aktiviti dakwah Ahli Sunah Waljamaah dengan mengajar di masjid-masjid dan menghadiri majlis perdebatan Muktazilah. Usaha bersungguh-sungguh al-Asy‘ari tersebut menyebabkan pengaruh Muktazilah dan aliran bidaah yang lain menjadi semakin lemah. Maka dengan itu, Ahli Sunah Waljamaah kembali menguasai pemikiran umat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa hujah yang digunakan oleh al-Asy‘ari untuk mempertahankan akidah Ahli Sunah Waljamaah mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Tidak mungkin al-Asy‘ari dapat mengalahkan pelbagai aliran bidaah jika hujah beliau lemah. Pendalilan akidah Asya‘irah yang dirangka oleh al-Asy‘ari bersandarkan kepada kesepaduan



antara dalil naqliah dengan dalil akliah. Dalil naqliah merujuk al-Quran dan hadis, manakala dalil akliah pula merujuk hujah logik akal yang memberikan keyakinan.

Al-Asy'ari mengemukakan pendirian beliau tentang dalil naqliah dalam karyanya, *al-Ibanah 'an Usul al-Diyahah*. Menurut beliau, persoalan akidah merupakan pandangan agama Islam yang berlandaskan al-Quran dan sunah Rasulullah SAW, serta apa-apa yang diriwayatkan oleh para sahabat, tabiin dan imam hadis. Al-Asy'ari turut menjadikan Ahmad ibn Hanbal sebagai contoh ikutan untuk berhadapan dengan aliran pemikiran bidaah, khususnya Muktazilah. Pada peringkat ini, al-Asy'ari tidak begitu cenderung menggunakan dalil akliah dalam perbincangan akidah, sesuai dengan keadaannya yang baru sahaja meninggalkan aliran Muktazilah. Maka dalam keadaan tersebut, sudah tentu beliau akan menolak setiap metode Muktazilah secara tegas dengan menonjolkan dalil naqliah. Sikap inilah yang ditunjukkan oleh al-Asy'ari ketika menulis beberapa karya awalnya setelah kembali kepada Ahli Sunah Waljamaah.

Bagi menyatakan pendirian dalil akliah, al-Asy'ari dalam karyanya yang berjudul *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam* menyatakan bahawa terdapat segolongan manusia menjadikan kejahilan sebagai asas pemikiran sehingga mereka tidak berusaha untuk berfikir dan menganalisis persoalan agama. Mereka lebih cenderung untuk

“Al-Qaradawi ketika beliau mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang pada akidah Asya'irah daripada tohmahan golongan Wahabi (Salafi), beliau menyatakan bahawa Asya'irah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini.”

bertaklid, lantas mengkritik sesiapa sahaja yang menggunakan pemikiran untuk berinteraksi dengan agama dan menganggap perbuatan itu menyeleweng. Al-Asy'ari turut menjelaskan bahawa masalah agama hendaklah dikembalikan kepada dasar agama, iaitu wahyu, manakala masalah akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumber asalnya. Disebabkan itu, pada peringkat terakhir pemikirannya ini, selain dalil al-Quran dan hadis, beliau turut menggunakan penghujahan akliah



Umat Islam perlu memilih fahaman Ahli Sunah Waljamaah kerana fahaman ini yang berpegang teguh pada al-Quran dan sunah yang sebenar.



mantik secara meluas dalam karyanya, *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaigh wa al-Bida'*.

Gabungan kedua-duanya menunjukkan bahawa al-Asy'ari meletakkan dalil naqlih sebagai asas paling utama dalam pembinaan akidah Islam, di samping dalil akliah. Perkara ini membuktikan bahawa Ahli Sunah Waljamaah yang ditunjangi oleh Asya'irah merupakan aliran yang bersifat *wasatiyyah*, iaitu tidak terlalu berlebih-lebihan menggunakan akal, seperti Muktazilah dan Jahmiyyah, serta tidak terlalu berlebih-lebihan menolak akal, seperti Mujassimah atau Musyabbihah dan Hasyawiyyah. Pendekatan tersebut menjadi teras dan kerangka dalam Ahli Sunah Waljamaah sehingga menjadi ikutan para ulama daripada setiap generasi bagi mempertahankan akidah Islam. Kekuatan manhaj ini juga menyebabkan Asya'irah dan Maturidiyyah menjadi dominan dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Kajian daripada The Royal Islamic Strategic Studies Centre (2009-kini) menunjukkan bahawa 90 peratus umat Islam merupakan pengikut aliran Asya'irah dan Maturidiyyah.

Oleh hal yang demikian, al-Qaradawi ketika beliau mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang pada akidah Asya'irah daripada tohmahan golongan Wahabi (Salafi), beliau menyatakan bahawa Asya'irah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini. Jika kajian dan kenyataan ini dijadikan ukuran, maka benarlah kenyataan al-Zabidi yang menyatakan bahawa apabila istilah Ahli Sunah Waljamaah digunakan secara mutlak, maka istilah ini merujuk secara khusus kepada Asya'irah dan Maturidiyyah. 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Subki turut menyatakan bahawa para pengikut Imam Malik, Syafii, Ahmad ibn Hanbal dan sebahagian pengikut Abu Hanifah berpegang pada Asha'irah, dan sebahagian lagi berpegang pada Maturidiyyah. Sebahagian ulama lagi membahagikan Ahli Sunah Waljamaah kepada tiga golongan, iaitu Athariyyah (diketuai Ahmad ibn Hanbal), Asya'irah (diketuai al-Asy'ari) dan Maturidiyyah (diketuai al-Maturidi).

Secara asasnya, menurut al-Baghdadi, Ahli Sunah Waljamaah mempunyai beberapa prinsip umum yang disepakati. Antara prinsip tersebut termasuklah mengisbatkan hakikat dan ilmu berdasarkan al-Quran, sunah Rasulullah SAW dan ijmak Salaf; mengetahui tentang pencipta alam, iaitu Allah SWT dan sifat bagi zat-Nya; mengetahui sifat Allah SWT yang qadim seperti, sifat *'ilm*, kudrat, iradat, kalam,

dan sebagainya. Selain itu, Ahli Sunah Waljamaah mesti mengetahui tentang rasul dan nabi sebagai utusan Allah SWT; mengetahui rukun syariat Islam yang disepakati oleh umat Islam merangkumi Rukun Islam; mengetahui hukum-hakam tentang suruhan, larangan dan taklif bagi seseorang manusia; dan mengetahui musuh Islam yang terdiri daripada orang kafir dan golongan hawa nafsu. Senarai prinsip ini penting bagi mengenali dan menolak segala bentuk kesesatan dan penyelewengan yang dilakukan oleh aliran lain.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini pula akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga, iaitu *al-jama'ah*." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Menurut al-Baghdadi lagi, golongan ke-73 ialah Ahli Sunah Waljamaah dan 72 golongan lagi ialah ahli bidaah. Secara umumnya, seperti yang dijelaskan oleh A'lawiy, 72 golongan tersebut ialah Muktazilah yang berpecah menjadi 20 kumpulan, Syiah berpecah menjadi 22 kumpulan, Khawarij berpecah menjadi 20 kumpulan, Murji'ah berpecah menjadi lima kumpulan, Najjariyyah berpecah menjadi tiga kumpulan, Jabariyyah satu kumpulan dan Musyabbihah atau Mujassimah satu kumpulan. Namun begitu, perbincangan tentang pecahan aliran ini terdedah pada wacana yang lebih luas memandangkan ada sahaja aliran baharu yang menyeleweng yang sering muncul hingga kini.

Dalam hal ini, sekalipun mazhab Ahli Sunah Waljamaah telah lama wujud dalam lipatan sejarah umat Islam, aliran ini masih kekal relevan untuk menjadi pegangan umat Islam pada hari ini dan akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana manhaj yang dikemukakan oleh Ahli Sunah Waljamaah telah menjadi satu tradisi dan disiplin ilmu yang tidak terikat dengan masa dan tempat tertentu sahaja. Malah, boleh digunakan bagi menghadapi cabaran semasa umat Islam, khususnya untuk menghadapi serangan pelbagai ideologi moden, seperti sekularisme, materialisme, liberalisme dan ateisme, serta gugatan daripada pascamodenisme. Penggunaan hujah akliah mantik atau logik yang tepat berserta kekuatan epistemologi Ahli Sunah Waljamaah, diyakini mampu mematahkan setiap pemikiran songsang yang dibawa oleh golongan



“Hal ini menjadikan Malaysia antara negara paling seragam dan kukuh dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai akhlak berbanding dengan negara lain. Keadaan ini telah menyumbang terhadap kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan umat Islam di Malaysia.”

tersebut. Hal ini sekali gus dapat mengawal dan memelihara akidah umat Islam daripada pengaruh ideologi moden yang disebutkan.

Berdasarkan penjelasan tersebut, rumusan awal yang dapat ditegaskan di sini ialah umat Islam perlu memilih dan berpegang pada Ahli Sunah Waljamaah kerana mazhab ini satu-satunya mazhab yang berpegang teguh pada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang sebenar. Selain itu, Ahli Sunah Waljamaah juga mempunyai kesepaduan manhaj pendalilan yang teguh melalui dalil naqliah dan dalil akliah. Maka menerusi dasar ini, majoriti umat Islam yang dipimpin oleh para ulama daripada setiap generasi berterusan berpegang pada Ahli Sunah Waljamaah sama ada dari aspek akidah, fiqah mahupun akhlak atau tasawuf. Perkara ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah tidak akan menyepakati umatku di atas kesesatan. *Yad* Allah bersama *al-jama'ah* dan sesiapa yang menyendiri, dia akan menyendiri di dalam neraka.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Malangnya, walaupun kebenaran Ahli Sunah Waljamaah diakui oleh majoriti umat Islam, namun masih ada sebilangan pengikut Wahabi (Salafi) yang cuba mempertikaikan hakikat ini dengan mendakwa bahawa aliran Asya'irah tidak termasuk dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Kenyataan ini telah mengundang polemik yang berpanjangan memandangkan pengikut Asya'irah merupakan majoriti dalam mazhab Ahli Sunah Waljamaah, apatah

lagi Wahabi (Salafi), aliran yang baru berusia 200 tahun. Mereka antara lain menuduh Asya'irah sama seperti aliran bidaah yang lain, khususnya Muktazilah kerana tidak sependapat dengan mereka dalam beberapa isu terutamanya berkaitan dengan nas sifat *mutasyabihat*. Malah, mereka turut mendakwa golongan mereka sahaja yang mengikut al-Quran dan hadis berdasarkan manhaj Salaf. Maka itu, para ulama Ahli Sunah Waljamaah meminta umat Islam agar menjauhkan diri daripada kelompok mereka.

Dalam konteks rantau Nusantara, majoriti umat Islam di Malaysia telah berpegang pada Ahli Sunah Waljamaah dari aspek akidah, fiqah dan tasawuf sejak awal kedatangan Islam lagi. Yang dimaksudkan dengan Ahli Sunah Waljamaah ialah aspek akidahnya yang merujuk aliran Asya'irah, aspek fiqahnya merujuk mazhab Syafii dan aspek tasawufnya merujuk tokoh muktabar, iaitu al-Ghazali. Pada masa yang sama, umat Islam di Malaysia turut mengiktiraf aliran Ahli Sunah Waljamaah yang lain, seperti Maturidiyyah dan ahli hadis dalam aspek akidah, serta mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dalam aspek fiqah. Begitu juga dalam aspek tasawuf yang turut mengiktiraf tokoh lain, seperti al-Junaid dan al-Qusyairi. Semua aliran dan tokoh yang dinyatakan ini termasuk dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah yang diakui ketokohan mereka dalam sejarah umat Islam.

Tuntasnya, hal ini menjadikan Malaysia antara negara paling seragam dan kukuh dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai akhlak berbanding dengan negara lain. Secara tidak langsung keadaan ini telah menyumbang terhadap kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan umat Islam di Malaysia. Peranan ini sebenarnya telah dimainkan oleh para ulama Melayu silam, dengan dukungan pemerintah (raja atau sultan), dalam usaha menerapkan pegangan Ahli Sunah Waljamaah dalam kalangan umat Islam.

Di samping itu, mereka turut mewariskan khazanah ilmu yang bernilai melalui penghasilan karya meliputi pelbagai bidang sama ada akidah, fiqah dan akhlak atau tasawuf. Kumpulan karya tersebut sentiasa menjadi rujukan umat Islam di Malaysia hingga hari ini, termasuklah oleh pihak berautoriti dalam hal ehwal agama, malah digunakan sebagai rujukan pengajian pada peringkat tinggi. Kesannya, Ahli Sunah Waljamaah menjadi mazhab rasmi di Malaysia dan kedudukannya ini diperakui dalam enakmen negeri-negeri seluruh negara. **DTI**